

Pengedaran ekstasi dalam botol minyak `attar` terbongkar

Posted on June 10, 2014, Tuesday



TUMPAS: Cecair dadah Ecstasy yang bersaiz minyak wangi `attar` dijual di kelab-kelab malam bagi mengaburi pihak berkuasa selepas polis menangkap kumpulan pengedar itu dalam operasi bermula Mac hingga 7 Jun lepas di sekitar ibu negara dan Negeri Sembilan. — Gambar Bernama

KUALA LUMPUR: Polis membongkar satu sindiket tempatan menjual dadah sintetik jenis ekstasi berbentuk cecair dalam botol kecil minyak `attar` di kelab-kelab malam.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim berkata kebiasaannya dadah ekstasi dalam bentuk pil dan ini adalah kali pertama ia dikesan dijual dalam bentuk cecair bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

“Kumpulan itu mengedar dadah di ibu negara dan Negeri Sembilan. Kali ini mereka juga mencuba mengedar ekstasi cair dalam botol kecil minyak wangi agar pihak berkuasa tidak mengesyaki ianya adalah dadah,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata kejayaan membongkar kaedah baharu itu dengan tertangkapnya kumpulan pengedar iaitu sembilan lelaki dan seorang wanita berumur antara 21 dan 37 tahun, dalam operasi bermula sejak Mac hingga 7 Jun lepas di ibu negara dan Negeri Sembilan.

Polis turut merampas dadah bernilai RM8 juta terdiri daripada 392,000 pil eramin 52,325 pil ekstasi, 1.4kg dadah ketamin, 88 gram serbuk syabu, 38 gram serbuk ekstasi, 835ml cecair ekstasi dalam botol minyak `attar` di dalam sebuah kereta di Jalan Labu, Seremban dan di sebuah pangsapuri yang dijadikan stor di Kampung Cheras Baru, di sini Sabtu lepas.

Noor Rashid berkata ekstasi cair itu dicampurkan dalam minuman pembelinya dan ianya mudah dibuang bagi menghilangkan bukti jika diserbu polis.

Suspek-suspek ditahan direman selama tujuh hari untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952, katanya.

Hasil soal siasat, kata beliau, polis mendapati dua yang ditahan adalah ketua kumpulan dadah itu dan mereka ditahan ketika menunggu pelanggan di dalam kereta berdekatan sebuah restoran di Jalan Labu, Negeri Sembilan pada 7 Jun lepas.

“Polis masih memburu saki-baki kumpulan ini dan mencari dalang sebenar sindiket pengedaran ini,” katanya. — Bernama